KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **27 SEPTEMBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/9/2024
M/SURAT: 5

# 12 syarikat GISBH kena kompaun RM4.4 juta

## Tindakan akibat gagal serah penyata tahunan, kewangan

**Petaling Jaya:** Dua belas syarikat berkaitan GISB Holdings (GISBH) dikenakan kompaun keseluruhan RM4.4 juta oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kerana gagal menyerahkan penyata tahunan dan penyata kewangan masing-masing.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata kompaun itu dikeluarkan baru-baru ini selepas siasatan dilakukan SSM mendapati semua syarikat terbabit tidak mematuhi tanggungjawab berkenaan.

Selain 12 entiti perniagaan itu, katanya, terdapat 17 syarikat lain menggunakan nama 'GISB' dalam pendaftaran SSM.

### 201 perniagaan ada kaitan

Beliau berkata, semakan data serta laman sesawang berkaitan 'GISB' atau 'Ikhwan' pula mendapati sebanyak 201 perniagaan boleh dikaitkan dengan GISBH.

"Antara tanggungjawab syarikat setiap tahun ialah perlu mengemukakan penyata kewangan mereka yang telah diaudit. Siasatan SSM mendapati 12 syarikat ini tidak patuh dengan tanggungjawab menyerahkan penyata tahunan dan penyata kewangan," katanya.

Beliau yang ditemui selepas majlis perasmian *TikTok Shop Seller Summit 2024*, di sini semalam.

Dalam isu GISBH, katanya, kementerian bertanggungjawab membantu polis dari segi pertuduhan dan ketidakpatuhan terhadap akta berkaitan oleh rangkaian perniagaan mereka.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada Forum Ilmuan Malaysia MADANI 'Mencorak Peralihan Tenaga yang Mampan untuk Masa Depan Negara yang Sejahtera', malam kelmarin, berkata tidak mahu berkompromi dalam menyelesaikan isu GISBH yang membabitkan rumah amal itu.

"Setakat ini Alhamdulillah, Tuhan beri saya kesihatan yang baik, tetapi saya nekad dan tidak akan mengalah, kalau itu (isu GISBH) nak kena kompromi, tiada makna saya jadi Perdana Menteri," katanya.

Sementara itu, semakan mendapati 33 carian didapati menerusi MYDATA SSM yang berkaitan rangkaian GISBH.

Daripada data itu, 18 hasil carian entiti itu adalah pendaftaran berkaitan perniagaan dan 15 lagi membabitkan syarikat.

Menerusi carian itu, pendaftaran atas perniagaan itu keseluruhannya menunjukkan status tamat tempoh, manakala pendaftaran syarikat memperlihatkan status wujud (existing).

> "Tanggungjawab syarikat setiap tahun ialah perlu kemukakan penyata kewangan mereka yang telah diaudit. Siasatan SSM mendapati 12 syarikat ini tidak patuh dengan tanggungjawab menyerahkan penyata tahunan dan penyata kewangan"

*Armizan Mohd Ali,*
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*



Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/9/2024
M/SURAT: 4



SALAH satu syarikat berkaitan GISB yang diserbu pihak berkuasa selepas didapati melakukan pelbagai kesalahan termasuk akta syarikat.

# Syarikat GISBH dikompaun RM4.4j

**PETALING JAYA** – GISB Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) dikenakan kompaun RM4.4 juta kerana melanggar undang-undang berkaitan beberapa akta berkaitan penubuhan syarikat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali, GISBH telah melanggar undang-undang berkaitan dengan Akta Syarikat, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT), dan Akta Pendaftaran Perniagaan.

Katanya, semakan mendapati entiti perniagaan berkaitan GISBH tidak mematuhi peraturan kewangan dan undang-undang perniagaan.

"GISBH menggunakan pelbagai entiti perniagaan dalam operasinya yang melibatkan sebanyak 17 syarikat.

"Daripada jumlah itu, 12 syarikat didapati melanggar peraturan perundangan dengan tidak mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit seperti yang dikehendaki oleh undang-undang," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Armizan, syarikat yang menggunakan nama GISBH atau Ikhwan mencecah 201 buah dan mempunyai rangkaian serta kaitan perniagaan yang meluas dengan entiti lain.

Tambahnya, KPDN berperanan memastikan kepatuhan kepada perundangan yang melibatkan syarikat-syarikat terbabit dalam siasatan berkaitan GISBH.

"Syarikat-syarikat di bawah GISBH gagal mematuhi beberapa tanggungjawab penting seperti mengemukakan laporan kewangan tahunan dan penyata yang diwajibkan," katanya.

Ujar Armizan, siasatan terhadap GISBH akan diteruskan dan mereka akan terus memberikan kerjasama penuh kepada polis untuk melengkapkan siasatan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/9/2024
M/SURAT: 16

# Kerjasama dengan TikTok, gerak Kempen Beli Barangan Malaysia

**PETALING JAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menggerakkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) secara dalam talian termasuk bekerjasama dengan pengendali platfom TikTok Malaysia.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, inisiatif tersebut adalah bertujuan memperkasakan produk tempatan di bawah KBBM melalui platform dalam talian.

Selain itu ujarnya, KPDN telah bekerjasama dengan pengendali platform seperti Shopee, Lazada, dan PGMall, yang telah mencatat hasil jualan lebih RM347 juta pada 2023 melibatkan 694,496 *Stock Keeping Unit* (SKU).

"Melihat kepada trend pilihan platform online oleh pengguna, KPDN akan memperluas pelaksanaan kempen KBBM secara dalam talian dengan mengadakan kerjasama bersama pengendali platform TikTok Shop Malaysia.

"Melalui usaha ini, TikTok Shop Malaysia akan mewujudkan halaman promosi khas (*microsite*) khusus untuk pengiklanan dan promosi produk-produk barangan Malaysia," katanya ketika berucap merasmikan TikTok Shop Seller Summit 2024 di sini semalam.

Ujarnya, melalui program itu, seramai 8,000 usahawan tempatan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) disasar meliputi 300,000 SKU.

"Sebagai langkah promosi, KBBM melalui TikTok Shop akan menyediakan baucar diskaun atas barangan terpilih dan memberi penghantaran percuma kepada pengguna," tambahnya.



ARMIZAN (tengah) melawat reruai selepas merasmikan Program TikTok Shop Seller Summit 2024 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: JUMAAT

TARIKH: 27/9/2024

M/SURAT: 2

# 12 SYARIKAT GISBH DIKOMPAUN RM4.4J

*Syarikat berkaitan didapati gagal serah penyata kewangan tahunan*

**Petaling Jaya**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sudah mengenakan kompaun berjumlah RM4.4 juta terhadap 12 syarikat yang berkaitan dengan Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) baru-baru ini.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kompaun itu dikeluarkan selepas siasatan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ... wab menyerahkan penyata tahunan dan penyata kewangan masing-masing.

"Selain GISBH, terdapat sebanyak 17 syarikat lain menggunakan nama GISB dalam pendaftaran SSM.

"Pada masa yang sama, semakan data dan laman sesawang berkaitan GISB atau 'Ikhwan' pula mendapati sebanyak 201 perniagaan boleh dikaitkan dengan GISB.

"Antara tanggungjawab syarikat setiap tahun ialah perlu mengemukakan penyata kewangan mereka yang sudah diaudit.

"Siasatan SSM mendapati 12 syarikat ini tidak patuh dengan tanggungjawab menyerahkan penyata tahunan dan penyata kewangan," katanya ketika ditemui selepas TikTok Shop Seller Summit 2024 di sini, semalam.

Armizan berkata, dalam isu GISBH, KPDN bertanggungjawab membantu pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari segi perundangan serta ketidakpatuhan terhadap akta berkaitan oleh rangkaian-rangkaian perniagaan mereka.


ARMIZAN

> **"Antara tanggungjawab syarikat setiap tahun ialah perlu mengemukakan penyata kewangan mereka yang sudah diaudit. Siasatan SSM mendapati 12 syarikat ini tidak patuh dengan tanggungjawab menyerahkan penyata tahunan dan penyata kewangan"**
>
> *Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/9/2024
M/SURAT: 6

# Kompaun RM4.4 juta dikeluarkan kepada 12 syarikat berkaitan GISBH

**PETALING JAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah mengenakan kompaun berjumlah RM4.4 juta terhadap 12 syarikat yang berkaitan dengan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) baru-baru ini.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kompaun itu dikeluarkan setelah siasatan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati kesemua syarikat terbabit tidak mematuhi tanggungjawab menyerahkan penyata tahunan dan penyata kewangan masing-masing.

"Selain GISBH, terdapat sebanyak 17 syarikat lain menggunakan nama GISB dalam pendaftaran SSM. Pada masa sama, semakan data dan laman sesawang berkaitan GISB atau Ikhwan pula mendapati sebanyak 201 perniagaan boleh dikaitkan dengan GISB.

"Antara tanggungjawab syarikat setiap tahun ialah perlu mengemukakan penyata kewangan mereka yang telah diaudit. Siasatan SSM mendapati 12 syarikat ini tidak patuh dengan tanggungjawab menyerahkan penyata tahunan dan penyata kewangan," katanya ketika ditemui selepas TikTok Shop Seller Summit 2024 di sini pada Khamis.

Armizan berkata, dalam isu GISBH, KPDN bertanggungjawab membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari segi perundangan serta ketidakpatuhan terhadap akta berkaitan oleh rangkaian-rangkaian perniagaan mereka. - *Bernama*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT

TARIKH: 27/9/2024

M/SURAT: 3

# KPDN laksana kajian semula kemas kini perundangan e-dagang: Armizan

**PETALING JAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mengkaji semula beberapa akta melibatkan e-dagang bagi mengemas kini undang-undang sedia ada selaras dengan perkembangan pesat industri berkenaan.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kajian itu meliputi Akta Perdagangan Elektronik 2006, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2012.

"Kajian Semakan Semula Perundangan E-Dagang yang dilaksanakan melalui peruntukan di bawah Rolling Plan Ke-4 Rancangan Malaysia Ke-12 (RP4RMK12) ini telah bermula pada April 2024 dan dijangka selesai pada Mac 2025," katanya.




**PENGHARGAAN:** Armizan (tengah) menerima cenderamata daripada Zason (dua kanan) pada Majlis Perasmian TikTok Shop Summit Malaysia 2024 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya, semalam. — Gambar Bernama

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan TikTok Shop Seller Summit 2024 di sini semalam.

Armizan berkata sebanyak 30,721 aduan diterima KPDN setakat bulan lepas dengan 7,243 atau 23.57 peratus daripadanya adalah melibatkan transaksi dalam talian, berbanding 14,440 aduan berkaitan transaksi dalam talian sepanjang 2023.

"Trend peningkatan berlaku mungkin disebabkan faktor peningkatan pembeli dan penjual dalam e-dagang.

"Apa pun keadaannya, tanggungjawab kita di KPDN adalah untuk tangani sebarang aduan dan sebab itu kita mahu dengan adanya kerangka perundangan yang lebih komprehensif, maka hak dan kepentingan semua pihak iaitu pengguna dan penjual dapat kita sama-sama pelihara," katanya.

Dalam pada itu, Armizan berkata sebagai peneraju Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), KPDN turut menggerakkan kempen terbabit secara dalam talian termasuk bekerjasama dengan pengendali platform TikTok Malaysia.

Beliau berkata melalui usaha berkenaan, TikTok Shop Malaysia akan mewujudkan laman promosi khas khusus untuk pengiklanan dan promosi produk barangan Malaysia.

Menerusi program di TikTok itu, katanya sebanyak 8,000 usahawan tempatan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) meliputi 300,000 'stock keeping unit' (SKU) disasarkan.

"Sebagai langkah promosi, KBBM melalui TikTok Shop akan menyediakan baucar diskaun atas barangan terpilih dan memberi penghantaran percuma kepada pengguna.

"Selain itu program latihan atau bengkel berkaitan keusahawanan akan diadakan kepada pengusaha yang mengambil bahagian dalam kempen bersama TikTok Shop ini," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/9/2024
M/SURAT: 4

# 12 syarikat berkaitan GISBH kena kompaun RM4.4 juta

**PETALING JAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah mengenakan kompaun berjumlah RM4.4 juta terhadap 12 syarikat yang berkaitan dengan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) baru-baru ini.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kompaun itu dikeluarkan setelah siasatan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati kesemua syarikat terbabit tidak mematuhi tanggungjawab menyerahkan penyata tahunan dan penyata kewangan masing-masing.

"Selain GISBH, terdapat sebanyak 17 syarikat lain menggunakan nama GISB dalam pendaftaran SSM. Pada masa yang sama, semakan data dan laman sesawang berkaitan GISB atau 'Ikhwan' pula mendapati sebanyak 201 perniagaan boleh dikaitkan dengan GISB.

"Antara tanggungjawab syarikat setiap tahun ialah perlu mengemukakan penyata kewangan mereka yang telah diaudit. Siasatan SSM mendapati 12 syarikat ini tidak patuh dengan tanggungjawab menyerahkan penyata tahunan dan penyata kewangan," katanya ketika ditemui selepas TikTok Shop Seller Summit 2024 di sini semalam.

Armizan berkata, dalam isu GISBH, KPDN bertanggungjawab membantu pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari segi perundangan serta ketidakpatuhan terhadap akta berkaitan oleh rangkaian-rangkaian perniagaan mereka. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/9/2024
M/SURAT: 5

阿米占：確保符發展步伐

# 審查電子商務法案

（八打灵再也26日讯）国内贸易及生活费部正在审查多项涉及电子商务的法案，以更新现有法律，使其符合行业快速发展的步伐。

国内贸易及生活费部长拿督阿米占表示，审查内容包括《2006年电子商务法案》、《1999年消费者保护法案》和《2012年消费者保护（电子交易）条例》。

## 截至8月接7243宗网上交易投报

“这次电子商务立法审查是在第12大马计划第四次滚动计划下进行，已于2024年4月开始，预计将于2025年3月完成。”

他今天在此主持2024年TikTok商店卖家峰会时说，截至今年8月，内贸部共接获3万721宗投诉，其中7243宗（占23.57%）与网上交易有关。

“这种上升趋势可能是因为电子商务中的买卖双方数量增加了。

“不论情况如何，内贸部有责任处理这些投诉，因此我们希望拥有一个更全面的法律框架，以保护各方的权利和利益，包括消费者和卖家。”

同时，阿米占表示，作为马来西亚商品促销运动（KBBM）的领导者，内贸部也在推动该运动进入在线市场，并与马来西亚TikTok平台的运营方合作。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 沒提交年度報表
# GISB 12公司罰440萬

（八打灵再也26日讯）国内贸易及生活费部近日已对与全球兄弟控股（GISB）有关的12家公司，处以总额达440万令吉的罚款。

国内贸易及生活费部长拿督阿米占表示，这些罚款是根据马来西亚公司委员会的调查结果发出的。调查发现，这些公司没有履行提交年度报表和财务报表的责任。

“除了GISB外，还有17家公司在SSM注册时使用了GISB的名称。同时，经过对与GISB或‘Ikhwan’相关数据和网站的检查，发现共有201家企业与GISB有关联。

“每家公司每年都必须提交经过审计的财务报表。SSM的调查显示，这12家公司没有履行提交年度报表和财务报表的责任。”

他在出席2024年TikTok商店卖家峰会后对记者表示，在处理GISB的问题上，该部有责任在法律方面协助警方，并处理其商业网络违反相关法令的行为。

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/9/2024
M/SURAT: 3



# ‘Munggoh’ karkas babi pada waktu malam hari tertentu

**Tumpat:** Aktiviti ‘munggoh’ (memunggah) karkas babi dijalankan pada waktu malam pada hari tertentu bergantung kepada pintu pagar pangkalan di Thailand.

Mendedahkan perkara itu, sumber berkata, kegiatan itu tidak berlaku setiap hari memandangkan risiko yang tinggi.

“Kemasukan barang ini berlaku pada hari tertentu, terdapat ‘broker’ atau orang tengah yang akan menguruskan aktiviti penyeludupan daripada sempadan.

“Jika ada aktiviti ini, lori akan menunggu di Stesen Bas Rantau Panjang dan akan mengambil karkas babi di pangkalan yang ditetapkan,” katanya.

Menurutnya, aktiviti itu sudah lama berlaku malah sudah banyak operasi dan tangkapan yang dilakukan namun ia masih berlaku.

“Pasaran mereka adalah di Lembah Klang, Perak dan Johor, lori pengangkut akan bergerak pada waktu malam.

“Ada masanya mereka turut membawa daging ayam bersama dengan karkas babi di dalam lori berkenaan,” katanya.

Sementara itu, tinjauan wartawan di stesen bas berkenaan mendapati ada sebuah lori yang diparkir berhampiran dipercayai untuk mengambil barangan yang diseludup.

Namun pemandu lori berkenaan melarikan diri ketika melihat kamera yang dipegang wartawan.

> “Pasaran mereka adalah di Lembah Klang, Perak dan Johor
> Sumber

Sebelum ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memaklumkan akan mengambil perhatian serius berkaitan perkara itu kerana ia memberi kesan dalam aspek kawalan penyakit berpunca daripada ternakan terutama penyakit African Swine Fever (ASF) yang boleh menjejaskan industri penternakan babi.

“Tindakan tegas akan diambil terhadap pengimport, penyimpan dan penjualan karkas babi bagi memastikan pengimportan karkas babi adalah dari negara dibenarkan di bawah Subseksyen 5(1)(b), Akta Binatang 1953 [Akta 647].

“JPV akan terus mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan berkaitan perkara ini dan turut menjalin hubungan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Tindakan bersepadu akan membabitkan pemeriksaan premis penyimpanan produk sejuk beku, pemprosesan makanan berasaskan babi, penjualan karkas babi dan restoran,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 27 SEPTEMBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 27-Sep | Kompaun RM4.4 juta dikeluarkan kepada 12 syarikat berkaitan GISBH - Armizan | https://www.sinarharian.com.my/article/687718/berita/semasa/kompaun-rm44-juta-dikeluarkan-kepada-12-syarikat-berkaitan-gisbh---armizan | SINAR HARIAN |
| 27-Sep | Kompaun RM4.4 juta dikeluarkan kepada 12 syarikat berkaitan GISBH – Armizan | https://malaysiagazette.com/2024/09/26/kompaun-rm4-4-juta-dikeluarkan-kepada-12-syarikat-berkaitan-gisbh- | MALAYSIA GAZETTE |
| 27-Sep | KOMPAUN RM4.4 JUTA DIKELUARKAN KEPADA 12 SYARIKAT BERKAITAN GISBH - ARMIZAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2344601 | BERNAMA |
| 27-Sep | Gagal serah penyata kewangan, 12 syarikat dikait GISBH dikompuan RM4.4 juta | https://selangorkini.my/2024/09/gagal-serah-penyata-kewangan-12-syarikat-dikait-gisbh-dikompuan-rm4-4-juta/ | SELANGOR KINI |
| 27-Sep | 12 syarikat GISB Holdings dikompaun RM4.4 juta | https://www.malaysiakini.com/news/720588 | MALAYSIA KINI |
| 27-Sep | Compounds amounting RM4.4 mln issued to 12 companies linked to GISBH - Armizan | https://thesun.my/local-news/compounds-amounting-rm44-mln-issued-to-12-companies-linked-to-gisbh-armizan-EG13044257 | THE SUN |
| 27-Sep | 12 syarikat berkait GISBH dikenakan kompaun RM4.4j | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1303166/12-syarikat-berkait-gisbh-dikenakan-kompaun-rm44j | BERITA HARIAN |
| 27-Sep | Kompaun RM4.4 juta dikeluarkan kepada 12 syarikat berkaitan GISB - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kompaun-rm4-4-juta-dikeluarkan-kepada-12-syarikat-berkaitan-gisb-armizan-489380 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 27-Sep | Kompaun RM4.4 juta dikeluarkan kepada 12 syarikat berkaitan GISBH - Armizan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137902/kompaun-rm44-juta-dikeluarkan-kepada-12-syarikat-berkaitan-gisbh-armizan | HARIAN METRO |
| 27-Sep | Ministry imposes RM4.4m in fines on 12 companies linked to GISB Holdings for failing to submit financial statements | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/09/26/kpdn-imposes-rm44m-in-fines-on-12-companies-linked-to-gisb-holdings-for-failing-to-submit-financial-statements/151682 | MALAY MAIL |
| 27-Sep | KPDN keluarkan kompaun RM4.4 juta terhadap 12 syarikat terkait GISBH | https://www.buletintv3.my/nasional/kompaun-rm4-4-juta-dikeluarkan-kepada-12-syarikat-berkaitan-gisbh/ | BULETIN TV3 |
| 27-Sep | Wanita cuba seludup keluar tong gas LPG ditahan | https://www.sabahgazette.com/wanita-cuba-seludup-keluar-tong-gas-lpg-ditahan/ | SABAH GAZETTE |
| 27-Sep | Penipuan bidaan kontrak bukan rahsia lagi | https://www.utusan.com.my/premium/2024/09/penipuan-bidaan-kontrak-bukan-rahsia-lagi/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 27-Sep | Steps to end bid rigging practice | https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2024/09/26/steps-to-end-bid-rigging-practice | THE STAR |
| 27-Sep | KPDN conducting review of e-commerce legislation to update existing laws - Armizan | https://thesun.my/local-news/kpdn-conducting-review-of-e-commerce-legislation-to-update-existing-laws-armizan-GG13045201 | THE SUN |
| 27-Sep | KPDN LAKSANA KAJIAN SEMULA KEMAS KINI PERUNDANGAN E-DAGANG - ARMIZAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2344646 | BERNAMA |
| 27-Sep | KPDN sedang laksana kajian semula perundangan e-dagang | https://www.wilayahku.com.my/kpdn-sedang-laksana-kajian-semula-perundangan-e-dagang/ | WILAYAHKU |
| 27-Sep | Domestic Trade Ministry conducting review of e-commerce legislation to update existing laws — Armizan | https://theedgemalaysia.com/node/728122 | THE EDGE MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 27-Sep | Bekalan minyak masak peket di Selangor mencukupi | https://www.sinarharian.com.my/article/687751/edisi/selangor-kl/bekalan-minyak-masak-peket-di-selangor- | SINAR HARIAN |
| 27-Sep | Bekalan minyak masak peket di Selangor mencukupi - KPDN | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bekalan-minyak-masak-peket-di-selangor-mencukupi-kpdn | BERITA RTM |
| 27-Sep | 12 syarikat GISBH dikompaun RM4.4 juta | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/12-syarikat-gisbh-dikompaun- | UTUSAN MALAYSIA |
| 27-Sep | Gagal serah penyata ta-hunan 12 syarikat berkaitan GISBH dikompuan | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/gagal-serah-penyata-tahunan-12-syarikat-berkaitan-gisbh-dikompaun | BERITA RTM |
| 27-Sep | Ministry issues RM4.4 mln in compounds to 12 GISBH-linked companies, says Armizan | https://www.theborneopost.com/2024/09/26/ministry-issues-rm4-4-mln-in-compounds-to-12-gisbh-linked-companies-says-armizan/ | THE BORNEO POST |
| 27-Sep | Kompaun RM4.4 juta dikeluarkan kepada 12 syarikat berkaitan GISBH | https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/26/kompaun-rm44-juta-dikeluarkan-kepada-12-syarikat-berkaitan-gisbh | UTUSAN BORNEO |
| 27-Sep | KPDN kompaun 12 syarikat GISBH RM4.4 juta | https://www.kosmo.com.my/2024/09/26/kpdn-kompaun-12-syarikat-gisbh-rm4-4-juta/ | KOSMO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT